

# BULETIN JKSM

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

BILANGAN 80 ( Januari - Jun ) 2018



2018



# REDAKSI

## Penaung/Penasihat

YAA Dato' Hj. Mukhyuddin bin Hj. Ibrahim  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM

## Ketua Pengarang

Puan Hajjah Noor Hadina binti Hj. Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar JKSM

## Sidang Pengarang

Puan Hajjah Haznita binti Hamidon  
Tuan Abdul Halim bin Abdullah  
Tuan Haji Azmee bin Hj. Hussin

## Edaran / Produksi

Puan Juhaida binti Omar  
Encik Mohd Ridzuan bin Abu Bakar  
Puan Khadijah binti Khalid  
Encik Suhaimi bin Mohamed

## Jurugambar

Puan Noorkhairiezan binti Mohd Johari

Buletin ini diterbitkan oleh,

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8870 9200  
Faks: 03-8870 9500  
Web: [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

# Dari Meja Ketua Pengarang

Assalamualaikum wrm. wbth.

DALAM kehidupan umat Islam, sifat Istiqamah membawa maksud tetap atau berpendirian teguh atas kebenaran. Secara umumnya, berpegang pada akidah Islam dan melaksanakan syariat dengan teguh, tidak berubah atau berpaling tadaul walau jua keadaan.

Sifat mulia ini dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam firman-Nya yang bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa, kerana itu tetaplah kamu (beribadah) kepada-Nya dan mohonlah ampunan kepada-Nya. Dan celakalah bagi orang-orang yang mempersekuatkan-Nya" (Surah Fussilat: 41:6).

Nabi S.A.W. bersabda yang bermaksud: "Katakanlah aku beriman dengan Allah S.W.T kemudian teguhkan pendirian kamu." (Riwayat Muslim). Istiqamah merangkumi amalan hati, amalan lisan serta perbuatan iaitu anggota tubuh badan yang merupakan kekuatan sepanjang hayat dalam melaksanakan tuntutan Islam.

Seterusnya, Istiqamah merujuk kepada perbuatan dan amalan yang baik yang dilakukan secara berterusan demi mencapai keredhaan Allah S.W.T. Ini meliputi sikap dedikasi, rajin, tidak mudah putus asa, sentiasa menegakkan kebenaran dalam perbuatan sehari-hari.

Nabi SAW bersabda: "Barang siapa memperbaiki hubungannya dengan Allah, maka Allah akan menyempurnakan hubungannya dengan manusia. Barang siapa memperbaiki apa yang dirahsiakkannya maka Allah akan memperbaiki apa yang dilahirkannya (terang-terangan)." (Riwayat Al Hakim).

Sabda Baginda SAW : "Katakanlah iaitu aku beriman dengan Allah kemudian istiqamah." (Riwayat Muslim).

Daripada hadis ini jelas antara bentuk istiqamah ialah melaksanakan segala yang wajib dengan mengikut sunah Rasulullah SAW.

Kita juga digesa supaya melakukan segala kebaikan atau amalan termasuk pekerjaan dan perkhidmatan yang dilakukan hendaklah dalam istiqamah dengan menghindarkan segala sifat mazmumah seperti malas dan putus asa kerana ia boleh menafikan maksud dan matlamat istiqamah.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa beristiqamah dalam segala amalan dan perbuatan yang dilakukan. Semoga dengan mendidik hati, lisan dan perbuatan dengan sifat istiqamah akan mencapai kejayaan di dunia dan juga akhirat .

"Syariah Asas Keadilan"

Hajjah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi  
Ketua Pendaftar JKSM

# **PERUTUSAN**

**YAA DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM  
KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE JKSM**



Assalamualaikum wrm. wbth.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya jua kerana dapat memberikan ruang kepada saya sekali lagi menyampaikan perutusan di dalam Buletin JKSM.

Saya ingin mengucapkan selamat melangkah ke tahun baru 2018 kepada seluruh warga JKSM dengan tekad dan azam baru demi melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Mudah-mudahan kedatangan tahun baru 2018 ini disambut dengan satu tekad diri yang kukuh dan dengan niat yang positif untuk terus memacu ke hadapan dengan penuh keazaman dan semangat yang kental serta penuh iltizam untuk kita mengharungi cabaran baru di tahun 2016. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JKSM yang komited serta memberikan komitmen dan kerjasama erat sepanjang tahun dan kedatangan tahun 2018 akan lebih mencabar keupayaan JKSM supaya kekal relevan dan cemerlang sebagai Peneraju Perundungan Syariah di negara ini. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah SWT semoga usaha dan komitmen kita selama ini dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, mendapat keredaanNya. Dengan berakhirnya tahun 2017, kita hendaklah menilai sejauh mana objektif, misi dan strategi jabatan sudah tercapai. Kita perlulah sentiasa bermuhasabah diri dan membuat penilaian apakah kekurangan dan kelemahan yang harus diperbaiki. Perancangan yang tersusun perlu dilaksanakan agar kita dapat mengekalkan momentum kejayaan yang akan terus menjadi agenda utama Jabatan. Kita telah meninggalkan Tahun 2017 dengan beberapa kejayaan yang cemerlang, dan momentum serta semangat daripada kejayaan cemerlang tersebut haruslah diteruskan pada tahun 2018 ini untuk membuktikan kesungguhan seluruh warga JKSM bagi terus mencipta kejayaan demi kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Akhir kata saya mendoakan semoga segala usaha kita diberkati Allah SWT.

Sekian terima kasih. Wassallam.

**YAA DATO' HJ. MUKHYUDDIN BIN HJ. IBRAHIM**

## KARNIVAL MAHABBAH IKIM fm

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menyertai pameran Karnival Mahabbah IKIM fm pada 12 hingga 14 Januari 2017 bertempat di Stadium Melawati Shah Alam, Selangor. Karnival yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan TV Al-Hijrah telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 13 Januari 2018 (Sabtu) jam 9.00 malam.

Unit Komunikasi Korporat (UKK) bersama Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM telah bekerjasama dengan BSK Seksyen Negeri Selangor dalam memberikan input berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan di JKSM serta khidmat nasihat berkaitan perundangan Syariah kepada para pengunjung karnival yang hadir di booth Jabatan.

Pelbagai aktiviti menarik lain yang diadakan sepanjang karnival tersebut seperti Anugerah Nasyid 2017 (AN17) dan Segmen Konti ke Pentas (Tarbiyah dan Mau'izati), Forum Sains dan Islam, Ekspo Pameran dan Jualan, Aktiviti Memanah, penampilan istimewa Maskot Didi & Friends juga Omar dan Hana, pertandingan melukis & mewarna serta banyak lagi.



## **MESYUARAT PELAPORAN DAN STATISTIK BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) TAHUN 2018 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)**

Rabu, Feb 14 2018

14 Februari 2018 ( Rabu ) – Bahagian Sokongan Keluarga JKSM telah mengadakan satu mesyuarat pelaporan dan statistik bertempat di Aras 4, Bilik Latihan Syariah, Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Mesyuarat ini dihadiri oleh 36 orang Pegawai dan Kakitangan BSK daripada seluruh Malaysia. Tujuan mesyuarat ini diadakan antaranya untuk membentangkan statistik serta aktiviti dan pencapaian BSK Seksyen negeri-negeri bagi tahun 2017. Selain itu, mesyuarat ini juga diadakan bagi menyelaraskan kaedah laporan serta penghantaran statistik bagi Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri (BSKSN) seluruh Malaysia di samping mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh BSKSN dalam pencapaian prestasi BSKSN serta kaedah untuk menanganinya. Hasil mesyuarat tersebut, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan terutamanya dalam penyediaan pelaporan statistik.



## **KUNJUNGAN PARA PENYELIDIK UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA KE BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JKSM**

Isnin, Jan 15 2018

Bahagian Sokongan Keluarga JKSM telah menerima kunjungan daripada para penyelidik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang diketuai oleh Prof Dr Najibah Md Zain. Antara tujuan kunjungan adalah untuk menyempurnakan data kualitatif bagi Kajian pemantauan isu-isu selepas penceraian. Taklimat berkenaan status dan perkembangan berkaitan pelaksanaan BSK sejak penubuhan pada tahun 2009 sehingga kini telahpun disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah BSK. Pertemuan turut disertai oleh Ketua Pendaftar JKSM Puan Hajah Noor Hadina Ahmad Zabidi dan Pengarah BSK Puan Zuraidah Ayob. Sesi perbincangan ringkas yang berlangsung telah menghasilkan beberapa idea dan cadangan kearah penambahbaikan BSK.



## MAJLIS PELANCARAN AKRAB JKSM

Jumaat, Jan 19 2018

PUTRAJAYA : Majlis Pelancaran AKRAB JKSM telah dirasmikan oleh YAA Dato' Haji Mukhyuddin Bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada 19 Januari 2018 di Bilik Mesyuarat Utama, JKSM.

Majlis pelancaran AKRAB JKSM telah memperkenalkan Jawatankuasa AKRAB JKSM yang dipengerusikan oleh Tuan Abu Bakar Bin Haji Mohd Daud, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Rekod, Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod, JKSM. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk membuat hebatan tentang peranan Rakan Pembimbing kepada warga kerja jabatan.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Al-Quran, Montaj pelancaran AKRAB JKSM dan taklimat mengenai AKRAB dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 : Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah yang disampaikan oleh Puan Siti Zubaidah Binti Othman Siru, Pegawai Seksyen Pengurusan Psikologi (SPPSi), Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis turut dimeriahkan dengan *kuiz kahoot* mengenai AKRAB dengan penglibatan semua warga kerja. Semoga warga jabatan dapat mengambil manfaat dengan kewujudan AKRAB ini. Pengurusan Sumber Manusia juga disaran untuk terus menghantar warga jabatan mengikuti kursus peningkatan kemahiran kaunseling bagi menambah bilangan ahli AKRAB pada masa akan datang. Warga JKSM boleh melayari laman web JKSM atau di <http://bit.ly/akrabjksm> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai AKRAB JKSM.



## **KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN PENDAKWAAN, JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA KE PEJABAT KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM**

Rabu, Jan 24 2018

24 JANUARI 2018 (RABU) – Pejabat Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah menerima kunjungan hormat dari Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Melaka.

Kunjungan hormat tersebut diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan (Ketua Pendakwa Syarie Melaka) Tuan Azmi Bin Ibrahim bersama pegawai dan kakitangan Bahagian Pendakwaan. Tujuan kunjungan hormat tersebut adalah untuk bertemu YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim yang telah dilantik selaku Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie (KP/KHS) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 5 September 2017 yang lalu disamping memberikan informasi terkini berkenaan kedudukan dan prestasi semasa Bahagian tersebut kepada YAA KP/KHS. Turut dibincangkan isu-isu berkaitan hal ehwal kebijakan pegawai dan kakitangan yang ditempatkan di Bahagian tersebut.



## WACANA KETUA PENGARAH JKSM 2018

Program Wacana Ketua Pengarah JKSM 2018 telah diadakan pada 13 Februari 2018 bersamaan 27 Jamadilawwal 1439H bertempat di Dewan Auditorium Kementerian Pengangkutan, Presint 3, Putrajaya. Program yang diadakan saban tahun ini merupakan satu platform buat YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM untuk menyampaikan amanat kepada para audien yang terdiri daripada Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri, Ketua-Ketua Pendaftar Negeri, Ketua Jabatan Pendakwaan Syarie, Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM serta para pegawai syariah seluruh Malaysia..

Terdapat sedikit kelainan pada acara kali ini yang mana majlis telah dimulakan pada jam 10.00 pagi dengan satu sesi ceramah khas daripada Sahibus Samahah Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang bertajuk “Adab Al-Qadi: Di Era Kontemporari”. Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan aluan daripada YBrs. Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar JKSM; disusuli dengan Ucaptama daripada YAA Dato’ Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim; Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM.

Wacana pada tahun ini bertemakan “Merealisasikan ‘Fasl Al-Khusumah’ (Penyelesaian) Di Mahkamah Syariah Dengan Lebih Efisien dan Sistematik”. Terdapat lapan (8) hala tuju yang telah dikupas dalam amanat yang disampaikan oleh YAA Dato’, iaitu :

- Memartabatkan Sistem Kehakiman Perundangan Syariah;
- Mentasqifkan (proses meintelektualkan) pegawai syariah melalui penguasaan ilmu secara berterusan;
- Mengamalkan budaya kerja berintegriti dan berakauntabiliti dalam amalan kerjaya seharian;
- Meningkatkan A’laqah Dan Kerjasama Strategik Dengan Agensi-Agenzi Persekutuan dan Negeri;
- Menyemarakkan budaya Inovasi dan Kreativiti;
- Kebajikan dan Kemajuan Kerjaya;
- Mengambil Istifadah Dari Aplikasi Sistem E-Syariah; dan
- Memperkasakan Profesionalisme Wanita Dalam Institusi Kehakiman dan Perundangan Syariah.

Wacana kali ini juga dimeriahkan dengan acara pelancaran produk-produk terbaru daripada Persatuan Pegawai Syariah Malaysia iaitu Air Mineral PPSM dan Pakej Umrah PPSM 2018.





## MESYUARAT EDITORIAL JURNAL HUKUM BIL.1/2018

7 Februari 2018- Mesyuarat Editorial Jurnal Hukum Bil.1/2018 telah dipengerusikan oleh YA Datuk Haji Aidi Bin Haji Moktar dan dihadiri seramai 18 orang ahli mesyuarat. Sebanyak 60 alasan penghakiman dan 3 artikel telah disemak dan diulas oleh Editor Jurnal Hukum. Berikut adalah keputusan mesyuarat terhadap alasan penghakiman dan artikel tersebut –

Bil.	Perkara	Status Syor		
		Diterima	Ditolak	KIV
1	Alasan Penghakiman	29	27	4
2	Artikel	2	1	0



## PROMOSI JKSM DI TBS KUALA LUMPUR

25 hingga 26 Februari 2018, Unit Komunikasi Korporat JKSM telah mengadakan Pameran dan Kaunter Informasi JKSM bertempat di Terminal Bersepadu Selatan, Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk mempromosikan lagi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia khususnya berkaitan Bahagian Sokongan Keluarga disamping membantu memberi khidmat nasihat kepada orang awam. Kaunter dan pameran ini dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang dan turut disertai oleh para petugas dari Bahagian Sokongan Keluarga JKSM.



# PERHIMPUNAN BULANAN TKSUK FEBRUARI 2018

Rabu, Feb 28 2018

Tarikh : 28 Februari 2018, ( Rabu )

Masa : 9.00 pagi.

Tempat : Auditorium JPM

Majlis Perhimpunan Bulanan TKSUK bagi Bulan Februari telah dihoskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.



## PROGRAM PROMOSI JKSM DI UTC KUALA LUMPUR

Isnin, Mac 12 2018

KUALA LUMPUR - Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) JKSM telah dilantik sebagai urus setia bagi aktiviti promosi yang dianjurkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bertempat di UTC Keramat, Kuala Lumpur yang telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 12 dan 13 Mac 2018.

Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk memberi maklumat berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKSM khususnya BSK melalui Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang lebih efisien.

Sepanjang pameran berlangsung, urus setia yang bertugas telah memberi penerangan mengenai JKSM kepada pengunjung yang datang ke ruang pameran JKSM.



# LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) BIL 1/2018

Rabu, Mac 14 2018

Putrajaya, 14 Mac 2018 – Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja BSK di Bilik Mesyuarat Utama Aras 5, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YA Prof. Adjung Dato' Dr. Hj. Na'im bin Hj. Mokhtar Hakim Mahkamah Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Antara ahli mesyuarat terdiri daripada pegawai kanan JKSM dan ahli akademik seperti berikut:

- I. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- II. YBhg. Datuk Kamilia Dato' Ibrahim
- III. YBrs. Prof. Dr. Najibah Mohd. Zin dari UIAM
- IV. YBrs. Prof Dr. Nora binti Abdul Hak dari UIAM
- V. YBrs. Prof. Madya Dr Noraini binti Md. Hashim dari UIAM
- VI. YBrs. Prof. Madya Dr. Roslina binti Che Soh @ Yusoff dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- VII. YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- VIII. YBrs. Prof Madya Dr. Nurhidayah binti Muhamad Hashim dari Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- IX. YA Tuan Hj. Mohd Amran bin Mat Zain, Hakim Mahkamah Rayuan JKSM
- X. YBhg. Dato' Abdul Walid bin Abu Hassan, Pakar Rujuk JKSM,
- XI. YBhg. Tuan Mohd Nadzri bin Abdul Rahman, Pengarah Kanan Kehakiman JKSM
- XII. Puan Zuraidah Ayob, Pengarah BSK (Setiausaha)

Tujuan mengadakan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dan memperkemaskan gerak kerja hala tuju BSK dalam membantu isu berkaitan penguatkuasaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah.



## AKTIVITI WAKAF BUKU

7 Mac 2018- Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah melancarkan Program Wakaf Buku pada tahun 2016. Program ini diwujudkan adalah bagi memberi peluang dan galakan kepada Pegawai dan kakitangan serta orang awam untuk menjadikan aktiviti mewakafkan buku sebagai salah satu bentuk jariah bagi manfaat ilmu. Aktiviti wakaf buku ini adalah salah satu inisiatif BPSMP JKSM dalam menggalakkan warga kerja berwakaf bagi mempelbagaikan lagi koleksi buku di Perpustakaan JKSM.

Tidak ketinggalan juga aktiviti ini turut mendapat galakan daripada Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM YAA Dato' Haji Muhyuddin Bin Haji Ibrahim, yang telah mengambil peluang ini dengan mewakafkan beberapa koleksi terbaru buku-buku pilihan beliau untuk diwakafkan di Perpustakaan JKSM. Buku-buku tersebut telah diserahkan kepada Pengarah BPSMP JKSM iaitu Puan Haznita Binti Hamidon



## **MAJLIS PERSARAAN YAA DATO' HJ. MUKHYUDDIN BIN HJ. IBRAHIM KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE JKSM**

Tarikh: 19 Mac 2018 ( Isnin )

Masa: 10.00 pagi.

Tempat: Bilik Mesyuarat Utama, aras 5, JKSM.

Amanat dan perutusan telah disampaikan oleh YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Hj. Ibrahim. Majlis ini juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Jabatan MSN dan JKSN.



## LAWATAN KERJA DARI BAHAGIAN PENYELIDIKAN PERUNDANGAN, JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN KE BPSMP JKSM

29 Mac 2018, 2.00 petang- Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP) JKSM telah menerima kunjungan daripada Bahagian Penyelidikan Perundangan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan yang terdiri daripada Pendakwa Syarie Kanan, Pendakwa Syarie, Penolong Pendakwa Syarie dan Pembantu Syarie. Taklimat daripada Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP), JKSM telah disampaikan oleh Pengarah BPSMP iaitu Puan Haznita Binti Hamidon dan diikuti dengan sesi soal jawab.



## LAWATAN KERJA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) KE JABATAN BANTUAN GUAMAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (JBGWPKL)

Jumaat, Mac 30 2018

KUALA LUMPUR – Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bersama BSK Seksyen Negeri Wilayah Persekutuan (BSKSNWP) telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JBG WPKL) pada 30 Mac 2018.

Lawatan kerja tersebut telah diketuai oleh YBrs. Dr. Jazilah binti Mohd Saad, Ketua Penolong Pengarah BSK JKSM. Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Puan Edora binti Ahmad, Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pihak JBG telah berkongsi maklumat mengenai fungsi dan perana JBG kepada masyarakat.

Disamping itu, focus lawatan ini membincangkan kerjasama strategik antara BSK dan JBG dalam tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah dan memaklumkan info terkini berkaitan yuran pendaftaran di JBG.



## MESYUARAT PANEL PENASIHAT JURNAL HUKUM BIL. 1/2018

3 April 2018- Mesyuarat Panel Penasihat Jurnal Hukum (MPPJH) Bil.1/2018 buat pertama kalinya dipengerusikan oleh Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM yang baru iaitu YAA Dato' Haji Mukhyuddin Bin Haji Ibrahim. Mesyuarat MPPJH pada kali ini juga menampilkan pelantikan ahli-ahli panel luar yang baru terdiri daripada:

1. YBhg. Datuk Mohamad Bin Abdullah  
Mantan Hakim Rayuan Syariah, JKSM
2. YBhg. Dato' Seri Dr. Md.Yusop Bin Che Teh  
Mantan Hakim Rayuan Syariah, JKSM
3. YBhg. Dato' Prof. Adjung Hj. Sulaiman Bin Abdullah  
Peguam Syarie
4. YAA Dato' Aria D'raja Hj. Daud Bin Mohamed  
Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan
5. YBhg. Prof Dr. Najibah Binti Mohd Zain  
Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sebanyak dua (2) rencana dan tiga puluh (30) laporan kes (alasan penghakiman) telah dibincang, disemak dan dipertimbangkan oleh Ahli Panel Mesyuarat Penasihat Jurnal Hukum. Berikut adalah keputusan mesyuarat terhadap rencana dan laporan kes (alasan penghakiman) tersebut –

Bil.	Perkara	Status Syor			
		Lulus	Tidak Lulus	KIV	Batal
1	Alasan Penghakiman	17	8	4	0
2	Rencana	2	0	0	0



# LAPORAN LAWATAN KERJA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) KE LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)

Selasa, Apr 10 2018

CYBERJAYA, 10 April 2018 – Satu lawatan kerja Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah diadakan. Delegasi BSK JKSM yang diketuai oleh Tuan MOhd Nadzri bin Abdul Rahman, Pengarah Kanan (Kehakiman) JKSM, bersama Pengarah dan pegawai-pegawai daripada BSK JKSM, turut disertai oleh Penolong Pengarah Kanan BSK Seksyen Negeri Sembilan, Tuan Khairil Hafiz Nazari dan Penolong Pengarah BSK Seksyen Negeri Selangor, Tuan Amir Firdaus Sidin.

Antara agenda yang dibincangkan sewaktu sesi dialog di antara delegasi BSK dan LHDNM adalah berkaitan isu pengesanan maklumat Penghutang Penghakiman bagi menguatkuasa dan melaksana perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Hubungan kerjasama di antara BSK dan LHDNM dalam aspek kutipan balik pendahuluan dana turut dibincangkan sewaktu sesi dialog.

Di samping itu, pihak BSK juga boleh menyalurkan maklumat Penghutang Penghakiman (PhP) kepada LHDNM bagi tujuan sekatan atau kuiри sekiranya pihak Penghutang Penghakiman ada membuat tuntutan pelepasan cukai bagi pembayaran alimoni kepada isteri atau pembayaran nafkah kepada anak-anak. Sekiranya pihak Penghutang Penghakiman gagal membuktikan pembayaran tersebut telah dibuat pada tahun taksiran, LHDNM boleh menganakan surc妖 dan Penghutang Penghakiman boleh didakwa kerana mengemukakan tuntutan atau taksiran palsu.

Pihak LHDNM turut berkongsi pengalaman kerjasama pihak mereka dengan Bank Negara Malaysia. Inisiatif yang dicadangkan kepada pihak BSK adalah untuk merujuk kepada Bank Negara Malaysia dalam usaha mendapatkan maklumat akaun bank PhP bagi tujuan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah. Ini bagi memastikan proses penguatkuasaan dan pelaksanaan yang berkesan dapat dilaksanakan oleh BSK. Lawatan kerja berakhir pada jam 12.30 tengah hari selepas sesi pertukaran cenderamata antara kedua-dua pihak BSK dan LHDNM.



# PERSIDANGAN KETUA-KETUA HAKIM SYARIE NEGERI SELURUH MALAYSIA KALI KE-71 BIL.1/2018

Rabu, April 18- 19 2018 HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM, SELANGOR

SHAH ALAM: Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-71 Bil.1/2018 telah diadakan di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor. Persidangan kali ini telah dimulakan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan JKSM Bil.1/2018 pada 18 April 2018. Mesyuarat ini diadakan bagi tujuan memantau pelaksanaan projek-projek mahkamah syariah di bawah seliaan JKSM mahupun projek-projek mahkamah syariah yang dilaksanakan di bawah kerajaan negeri.

JKSM sedang memantau status pelaksanaan 4 projek Kompleks Mahkamah Syariah melibatkan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pahang dan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah.

Sebagai percambahan minda dan perkembangan perundangan semasa berkaitan Mahkamah Syariah, satu slot diskusi telah diadakan bertajuk Implikasi Kes Mahkamah Persekutuan Terhadap Institusi Kehakiman Syariah: Kes Indra Gandhi A/p Mutho lawan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Farid Sufian Shuaib, Profesor Undang-Undang, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-71 Bil. 1/2018 ini telah berlangsung pada 19 April 2018. Perkara yang dibincangkan ialah pandangan berkaitan etika dan peraturan Hakim untuk menyampaikan ceramah atau apa-apa pengajaran tentang Agama Islam di bawah Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan 2015 yang telah disediakan oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan, JKSM.



## PROGRAM PROMOSI JKSM DI UTC SENTUL KUALA LUMPUR

Khamis, Mei 17 2018

JKSM telah mengadakan Program Promosi JKSM di UTC Sentul, Kuala Lumpur pada 6 hingga 8 Mei 2018. Pameran dan kaunter Informasi JKSM telah dibuka bertujuan untuk memberi maklumat mengenai Sistem Perundangan Kehakiman Syariah serta memberi khidmat nasihat kepada orang awam dan masyarakat setempat. JKSM juga mengambil kesempatan untuk menerangkan peranan perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKSM terutama Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). UTC Sentul adalah lokasi ketiga yang telah dipilih pada tahun ini yang mana sebelum ini JKSM telah berjaya mengadakan program promosi yang seumpamanya di UTC Keramat dan Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasek Selatan, Kuala Lumpur. Kaunter yang dibuka seawal jam 9.00 pagi ini merupakan salah satu pendekatan untuk mendekatkan Jabatan dengan masyarakat.



## **NAZIRAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JKSM KE BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA SEKSYEN NEGERI MELAKA (BSKSNM)**

Selasa, April 24, 2018

MELAKA – Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM telah mengadakan program Naziran di BSK Seksyen Negeri Melaka pada 24 April 2018 (Selasa). Program tersebut telah disertai oleh beberapa orang pegawai kanan dari BSK ibu pejabat yang diketuai oleh Puan Zuraidah binti Ayob, Pengarah BSK JKSM. Program yang julung kalinya diadakan ini telah dilaksanakan di BSK Seksyen Negeri Melaka sebagai projek rintis dan akan diperluaskan ke BSK Seksyen Negeri-negeri lain selepas ini.

Objektif pelaksanaan program Naziran BSK Seksyen Negeri ini antaranya bertujuan untuk memantau dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta mengukur tahap pencapaian dalam gerak kerja BSK Seksyen Negeri. Kaedah atau mekanisme yang digunakan adalah antaranya melalui pemeriksaan dan penilaian dokumen serta temubual.

Adalah diharapkan agar hasil penemuan Naziran ini dapat membantu BSK Seksyen Negeri dalam menilai kekuatan dan kelemahan mengikut penanda aras yang telah ditetapkan dan seterusnya meningkatkan berusaha untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan.



## KURSUS MyMESYUARAT

14 Mei, 2018 bertempat di Bilik Latihan komputer BTMK, Aras 4 JKSM Putrajaya

Kursus Mymesyuarat selama sehari telah diadakan bersama dengan Bahagian Latihan Komputer di mana BTMK menyediakan fasilitator iaitu Encik Mohd Rusdhan bin Hashim dan Puan Siti Nuur Naa'imi binti Azmi. Peserta kursus pula terdiri daripada semua Pembantu Setiausaha/Pegawai Penyelidik Pejabat Kehakiman, wakil BKPSM, BPKR, BDP, UKK, BTMK dan BL serta berjalan dengan lancarnya.

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta menggunakan aplikasi Mymesyuarat dalam urusan mesyuarat dan hal-hal yang berkaitan dengannya secara online. Konsep mudah, cepat dan tanpa kertas adalah menjadi focus kepada penggunaan Mymesyuarat ini dan seterusnya akan digunakan bagi semua warga JKSM.



## Program Outreach Siri 1 Projek Transformasi E-Syariah Versi 3 JKSM

30 Mei 2018 di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 4 , Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

Penganjur : BTMK Bersama dengan MIMOS Sdn. Bhd.

